

**MIGRASI BURUH ANTARABANGSA DI SEMENANJUNG MALAYSIA:  
CORAK, POLISI DAN IMPLIKASI EKONOMI**

**MOHD FIRDAUS BIN HUSSIN  
EGAX01044**

**KERTAS PENYELIDIKAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA  
FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN  
SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN UNTUK  
IJAZAH SARJANA EKONOMI**

**OKTOBER 2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A512498970

## **ABSTRAK**

Transformasi ekonomi dari sektor pertanian kepada sektor perlombongan pada pertengahan abad ke-19 menjadi faktor pendorong kemasukan imigran terutamanya dari Cina dan India. Kegiatan ekonomi yang dijalankan tertumpu di kawasan penempatan imigran ini telah menyebabkan wujudnya bandar-bandar besar seperti Taiping, Kuala Lumpur, Johor Baharu dan Seremban yang menjadi pusat komersial dan pusat pentadbiran. Perkembangan ekonomi negara yang berlaku di bandar-bandar utama ini membawa kepada proses urbanisasi. Selepas mencapai kemerdekaan, pertumbuhan ekonomi yang pesat dipacu oleh sektor perindustrian, perkilangan dan pembuatan serta pengenalan Dasar Ekonomi Baru (1971 – 1990), telah menyebabkan Malaysia mengalami kekurangan tenaga buruh. Kekurangan tenaga buruh berlaku di sektor pertanian, pembinaan, pembuatan dan juga perkhidmatan domestik yang memerlukan khidmat bantuan buruh asing dari negara-negara jiran terutamanya Indonesia, Thailand dan Filipina. Corak imigrasi yang berlaku di Malaysia sebelum dan selepas merdeka tidak banyak berbeza walaupun dalam keadaan ekonomi negara mengalami kemelesetan. Hal ini disebabkan oleh faktor-faktor geografi dan juga budaya yang menjadikan fenomena migrasi ini, terutama pendatang tanpa izin sukar untuk dikurangkan dan diatasi secara total. Polisi mengenai imigrasi diadakan secara ad-hoc dan kurang berkesan. Walaupun usaha-usaha pemantauan di darat dan perairan negara sering dilakukan namun kekurangan anggota pihak berkuasa serta kemajuan teknologi dan komunikasi yang dianjurkan atas nama integrasi dan globalisasi membatasi keberkesanan polisi yang sedia

ada. Isu imigrasi ini menjadi perhatian bukan sahaja dari pihak pemerintah, malah rakyat Malaysia yang juga melahirkan rasa kebimbangan mereka terhadap peningkatan kadar jenayah, gejala sosial dan terbaru, ancaman pengganas yang boleh mengancam keselamatan negara. Kesatuan sekerja juga turut melahirkan rasa ketidakpuashatian mereka terhadap majikan-majikan yang mengutamakan pekerja asing. Bagi mereka keadaan ini, jika berterusan, akan menyukarkan lagi usaha mereka untuk meningkatkan kadar upah di sektor-sektor tertentu. Dimensi imigrasi yang pelbagai ini; corak, polisi dan kesannya terhadap ekonomi, menjadikan ia penting dan perlu diberi perhatian yang berterusan agar isu ini terkawal dan seterusnya di atasi.

## **PENGHARGAAN**

***Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani***

Penghasilan kertas penyelidikan ini telah mengambil masa yang agak panjang dan menghadapi pelbagai halangan dari segi perolehan sumber dan kewangan. Namun begitu, atas nasihat, tunjuk ajar dan bantuan dari pelbagai pihak, kertas penyelidikan ini telah berjaya disiapkan.

Jutaan terima kasih ditujukan khas kepada Profesor Madya Dr. Siti Rohani binti Yahya, selaku penyelia kertas penyelidikan ini. Nasihat, bimbingan serta komen beliau yang berterusan bagi memastikan kertas penyelidikan ini siap pada masa yang ditetapkan, amat dihargai.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada “role model” saya, Profesor Dr. Sufean bin Hussin, Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya yang telah banyak memberi nasihat, bimbingan, didikan, tunjuk ajar, teguran dan sumbangan sejak dari kecil hingga sekarang. Jasa beliau akan dikenang dan amat dihargai sampai bila-bila.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu, pensyarah, rakan-rakan dan semua yang terlibat dalam menjayakan penghasilan kertas penyelidikan ini. Sokongan dan bantuan yang telah diberikan tidak akan dilupakan.

## **KANDUNGAN**

**Halaman**

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RINGKASAN	ix
BAB SATU: PENGENALAN	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Objektif Kajian	7
1.3    Metodologi Kajian	7
1.4    Kepentingan Kajian	8
1.5    Masalah Kajian	9
1.6    Batasan Kajian	9
1.7    Organisasi Kajian	10
BAB DUA: KONSEP MIGRASI	
2.1    Definisi Migrasi	11
2.2    Jenis Migrasi	14
2.2.1    Migrasi Dalaman	14
2.2.2    Migrasi Antarabangsa	15

2.3	Teori Migrasi Antarabangsa	15
2.3.1	Pendekatan Ekonomi Neoklasik	16
2.3.2	Teori Ekonomi Isi Rumah Baru	16
2.3.3	Teori Dwi Pasaran Buruh	17
2.3.4	Teori Sistem Dunia	17
2.3.5	Teori Rangkaian	17
2.3.6	Teori Institusional	18
2.4	Pengukuran Migrasi	18
 <b>BAB TIGA: TREND DAN CORAK MIGRASI</b>		
3.1	Zaman Sebelum Merdeka	20
3.2	Zaman Selepas Merdeka (1957 – 1970)	23
3.3	Dasar Ekonomi Baru (1971 – 1990)	25
3.4	Pasca DEB (1991 – 2000)	32
 <b>BAB EMPAT: PENENTU MIGRASI</b>		
4.1	Pendahuluan	38
4.2	Kajian Kes: Kemasukan Pekerja Asing Indonesia	39
4.2.1	Latar Belakang Negara	39
4.2.2	Latar Belakang Masyarakat	44
4.2.3	Selektiviti Migrasi	47
4.2.4	Sebab-sebab Migrasi	50
 <b>BAB LIMA: KESAN MIGRASI</b>		
5.1	Pendahuluan	54
5.2	Kesan Ke Atas Negara Penerima	54
5.2.1	Kesan Ekonomi	54
5.2.2	Kesan Sosial dan Budaya	59
5.2.3	Kesan Politik dan Keselamatan Negara	64
5.3	Kesan Ke Atas Diri Para Migran	65

<b>BAB ENAM: POLISI DAN PROGRAM MIGRASI</b>	
6.1 Pendahuluan	67
6.2 Langkah-langkah Pengambilan Pekerja Asing	72
6.3 Sistem Pengeluaran Permit	74
6.3.1 Pas Lawatan Kerja Sementara	74
6.3.2 Pas Lawatan Kerja Profesional	75
6.3.3 Pas Penggajian	75
6.4 Dasar Pekerja Asing	76
6.4.1 Pembahagian Mengikut Sektor	76
6.4.2 Industri Yang Dibenarkan Mengambil Pekerja Asing	77
6.4.3 Tempoh Pekerja Asing Dibenarkan Bekerja	78
6.4.4 Lanjutan Lepas Tahun Kelima	78
6.5 Halangan Pelaksanaan Polisi	79
<b>BAB TUJUH: PENUTUP</b>	83

## RUJUKAN

## LAMPIRAN

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
1.1	Saiz dan Pertumbuhan Stok Migran Mengikut Kawasan Utama, 1990 – 2000	5
1.2	Jumlah Warganegara Malaysia Mengikut Jantina dan Strata, Malaysia, 2000	6
1.3	Jumlah Bukan Warganegara Malaysia Mengikut Jantina dan Strata, Malaysia, 2000	6
3.1	Peratusan Penduduk di Semenanjung Tanah Melayu Mengikut Kaum Etnik	23
3.2	Bilangan Imigran ke Amerika Syarikat Berdasarkan Negara atau Tempat Lahir Bagi Setiap Lima Tahun 1960 – 1989	29
3.3	Imigran Masuk ke Kanada Mengikut Negara Antara Tahun 1908 – 1990	30
3.4	Imigran Masuk ke Australia Mengikut Negara Asal 1980/81 – 1989/90	31
3.5	Pengeluaran Permit Pekerjaan Sementara Mengikut Negara Asal di Semenanjung Malaysia, Jun 1992 – Jun 1996	34
3.6	Pengeluaran Permit Pekerjaan Sementara Mengikut Negara Asal dan Sektor Ekonomi di Semenanjung Malaysia, Jun 1992 – Jun 1996	35
3.7	Guna Tenaga Mengikut Warganegara Bagi Tahun 1990, 1995 dan 2000 ('000 orang)	37
4.1	Jumlah Penduduk Indonesia Mengikut Wilayah Pada Tahun 1971, 1980, 1990, 1995 dan 2000	40
4.2	Pekerja Indonesia di Luar Negara Sejak Repelita I – Repelita V	42
4.3	Pekerja Indonesia di Luar Negara Sejak Repelita I – Repelita V	43

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
4.4	Migran Indonesia di Malaysia Mengikut Tempat Lahir	45
4.5	Jenis Pekerjaan Migran Ketika Masih Berada di Indonesia	46
4.6	Tingkat Pendapatan Migran Setiap Bulan Ketika Masih di Indonesia	47
4.7	Pecahan Isi Rumah Migran Mengikut Kumpulan Umur	48
4.8	Alasan Migran Paling Utama Meninggalkan Kampung Halaman	51
4.9	Pecahan Isi Rumah Migran Mengikut Alasan Bermigrasi	52
5.1	Kapasiti Pusat Penahanan di Malaysia	58
5.2	Penghantaran Pulang Dari Kem Tahanan 1996 - 2000	59
5.3	Penglibatan Kes Jenayah Pekerja Asing	62
5.4	Penglibatan Jenayah Asing Indonesia, 1997 - 2001	63
6.1	Keputusan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing, 1998 - 2000	73

## **SENARAI RINGKASAN**

ASEAN	- Association of Southeast Asian Nations
DAP	- Democratic Action Party
DEB	- Dasar Ekonomi Baru
DPN	- Dasar Pembangunan Nasional
FDI	- Foreign Direct Investment
FOMEMA	- Foreign Worker's Medical Examination Monitoring Agency
ICT	- Information, Communication and Technology
KWSP	- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MCA	- Malaysian Chinese Association
MIC	- Malaysian Indian Congress
MLVK	- Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
PBB	- Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRM	- Polis Di Raja Malaysia
R & D	- Research and Development
RRJP	- Rangka Rancangan Jangka Panjang
SOCSO	- Social Security Organisation
UMNO	- United Malay National Organisation
UN	- United Nations